



www.bhpendidikan.com.my



bhpendidikan



bhpendidikan

VARSI

REDAKSI

PENGARANG URUSAN
KUMPULAN NSTP:
Datuk Abdul Jalil Hamid

PENGARANG KUMPULAN BH
Mahfar Ali

TIMBALAN PENGARANG KUM-
PULAN BH
Badrulhisham Othman

PENGARANG EKSEKUTIF BERITA
DAN EHWAL SEMASA
Norhayati Md Said

PENGARANG EKSEKUTIF
MINGGUAN / BH2
Zainor Said

PENGARANG EKSEKUTIF
PENGELOMPOK
Rosli Safar

PENGARANG PENDIDIKAN
Fadzlena Jafar

PENGARANG BERITA
PENDIDIKAN:
Ridzuan Yop
Mohd Feroz Abu Bakar

PENOLONG PENGARANG
BERITA PENDIDIKAN:
Syuhada Choo Abdullah
Khairina Yasin

PENOLONG KETUA
PENYUNTING:
Nurairhan Ibrahim

PENYUNTING EKSEKUTIF:
Rosdi Ismail

Hantar surat amaran kepada ibu bapa

Mahasiswa yang bersikap sambil lewa ponteng kuliah tidak menyedari penilaian untuk menentukan pencapaian mereka bukan hanya membabitkan aspek peperiksaan, kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau berkata, sebaliknya keputusan pencapaian mereka membabitkan penilaian menyeluruh yang turut mengambil kira pelbagai elemen pemarkahan penting seperti disiplin, sikap dan cara pergaulan dengan pensyarah.

“Kebanyakan pelajar tidak mengetahui bahawa penilaian dilakukan ke atas mereka, dan ini antara faktor mereka mengambil sikap sambil lewa untuk tidak hadir ke kuliah.

“Sistem di universiti berbeza dengan sekolah. Di universiti, pembabitan pelajar dalam kuliah antara aspek diambil kira untuk penilaian, selain pencapaian peperiksaan akhir yang diduduki.

Langkah pencegahan
“Selain pembelajaran

secara teori, pelajar perlu melalui sesi soal jawab dan kuiz dalam kuliah untuk memastikan kefahaman mereka memahami penyampaian pensyarah,” katanya ketika dihubungi.

Prof Mohammad Shatar berkata, walaupun senario mahasiswa ponteng kuliah tidak begitu serius, pihak universiti enggan memandang enteng perkara itu kerana langkah pencegahan penting.

Dalam konteks ini, beliau berkata, pihak universiti sudah menetapkan pelajar perlu menghadiri sekurang-kurangnya 80 peratus daripada jumlah sesi kuliah diadakan bagi setiap kursus yang perlu diikuti.

“Sekiranya pelajar didapati tidak hadir ke kuliah melebihi had ditetapkan tanpa surat dan alasan munasabah, pihak universiti akan mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat amaran yang dihantar kepada ibu bapa bagi memaklumkan perkara itu.

Bukan tiket ponteng
“Tindakan berkenaan

diambil bagi mengelakkan berlaku perkara tidak diingini seperti kes penculikan, dan ini sebahagian tanggungjawab universiti dalam memastikan keselamatan pelajar,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden (Hal Ehwal Pelajar) Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), Dr Wan Sabri Wan Hussien, menyifatkan pelajar yang ponteng kuliah sebagai golongan tidak berdisiplin.

Beliau berkata, sikap sedemikian tidak harus dicontohi kerana boleh mengganggu prestasi dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum yang jelas bercanggah dengan matlamat menjana graduan berkualiti.

“Walaupun KPTM menerapkan budaya keusahawanan dalam semua kursus ditawarkan, hal ini tidak boleh dijadikan tiket untuk pelajar tidak hadir ke kuliah.

“Perancangan waktu secara berkesan amat penting, terutama sebagai pelajar supaya setiap masa dapat dipenuhi dengan optimum,” katanya.



“
SISTEM DI
UNIVERSITI
BERBEZA
DENGAN
SEKOLAH. DI
UNIVERSITI,
PEMBABITAN
PELAJAR DALAM
KULIAH ANTARA
ASPEK DIAMBIL
KIRA UNTUK
PENILAIAN,
SELAIN
PENCAPAIAN
PEPERIKSAAN
AKHIR YANG
DIDUDUKI”

**Prof Mohammad
Shatar Sabran,**
Timbalan Naib
Canselor (Hal
Ehwal Pelajar dan
Alumni) UPM



“
WALAUPUN
KPTM
MENERAPKAN
BUDAYA
KEUSAHA-
WANAN
DALAM SEMUA
KURSUS
DITAWARKAN,
HAL INI
TIDAK BOLEH
DIJADIKAN
TIKET UNTUK
PELAJAR
TIDAK HADIR
KE KULIAH”

**Dr Wan Sabri
Wan Hussien,**
Naib Presiden (Hal
Ehwal Pelajar) KPTM